

**Kerajaan Sokong Penuh Pembangunan Pelancongan Golf - Najib
Bernama
6 September 2011**

PUTRAJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Kerajaan memberi sokongan padu terhadap pembangunan industri pelancongan golf di negara ini dan kejohanan CIMB Asia-Pacific Classic 2011 merupakan bukti paling ketara serta kemuncak dalam usaha ke arah itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata Malaysia semakin menyerlah sebagai destinasi pelancongan golf terkemuka di Asia dengan kewujudan lebih 207 kemudahan untuk sukan itu, yang melibatkan pelaburan lebih RM20 bilion.

"Hasrat kami ialah untuk membawa standard golf profesional dan permainan golf di negara ini ke tahap lebih tinggi melalui platform PGA - pertubuhan golf profesional terkemuka di dunia," kata Najib pada sidang akhbar rasmi CIMB Asia-Pacific Classic 2011 di sini, Selasa.

Turut hadir Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen dan Ketua Eksekutif Kumpulan CIMB Datuk Seri Nazir Razak. Edisi kedua kejohanan itu akan berlangsung di The Mines Resort & Club dari 27 hingga 30 Okt.

Perdana Menteri berkata Kementerian Pelancongan telah membuat penilaian terhadap kejohanan pada tahun lepas dan menyatakan kesediaannya untuk memberi sokongan padu ke arah menjayakan program pembangunan jangka panjang dan berterusan untuk memajukan sukan golf di Malaysia.

"Saya menggalakkan penggiat industri tempatan supaya bekerjasama dengan promoter untuk menawarkan pakej kreatif bagi menarik kedatangan pemain golf luar negara ke Malaysia untuk memmanfaatkan, bukan saja kemudahan yang kami sediakan, tetapi juga menikmati keindahan negara ini serta kelazatan makanan dan keunikan warisan budaya yang benar-benar mencerminkan keistimewaan Malaysia," katanya.

Najib berkata Malaysia memiliki kedudukan unik untuk menerajui pembangunan sukan di Asia dan negara ini turut memiliki alam semula jadi yang mempesonakan.

"Kami bukan saja memiliki kemudahan golf bertaraf dunia, tetapi juga prasarana pelancongan dan warisan budaya yang menjadi pelengkap kepada keseronokan bermain golf yang tidak terdapat di negara lain.

"Kami berbangga kerana dapat menjadi tuan rumah pelbagai acara sukan bertaraf dunia dan kami yakin akan terus berjaya sebagai destinasi terulung di rantau ini dalam arena golf profesional," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kelulusan yang diberi oleh PGA Tour kepada kejohanan itu telah meningkatkan profilnya dan memantapkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi bagi acara sukan utama di rantau ini.

"Kejohanan yang diadakan untuk julung kalinya dulu mencatat kejayaan cemerlang apabila ia mendapat lebih 1,457 siaran dalam 29 bahasa untuk tatapan lebih 500 juta isi rumah di seluruh dunia.

"CIMB Asia-Pacific Classic 2011 akan terus mendapat sokongan padu kami, terutama dalam menjalin kerjasama dengan PGA Tour apabila ia menganjurkan kejohanan itu bagi kali ketujuh dan dalam meningkatkan standard golf profesional dan permiannan golf secara keseluruhan di Malaysia," kata beliau.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=611867>